



جَمِيعَ مُؤْمِنِينَ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR

Bil.2/2021

9 Mac 2021

PANDANGAN HUKUM SYARAK; PENENTUAN KADAR DUA MARHALAH, QARYAH DAN BALAD DARI PERSPEKTIF FIQH SEMASA

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-2/2021 yang bersidang pada **25 رجب 1442H** bersamaan **9 Mac 2021** memutuskan bahawa;

- a) **Kadar dua (2) marhalah adalah tidak kurang daripada 81 km.**
- b) **Persempadanan dan penentuan *qaryah* dan *balad* adalah mengikut pilihan seperti berikut:**
 - i. **Persempadanan mengikut kaedah, uruf dan ketetapan negeri-negeri selaras dengan Akta/ Enakmen Negeri; atau**
 - ii. **Persempadanan mengikut peta yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM); atau**
 - iii. **Persempadanan mengikut peta yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) melalui sistem i-PLAN; atau**
 - iv. **Persempadanan baharu yang mengambil kira populasi kepadatan satu-satu penempatan secara *vertical* (seperti kondominium/ rumah pangsa seumpamanya) yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri.**

- c) Satu kajian lanjut akan dilaksanakan oleh pihak Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Selangor bagi memperincikan penetapan 11 km (termasuk 81 km) yang dikira sebagai titik mula musafir bagi persempadan *qaryah* dan *balad*.

Bertarikh 9 Mac 2021
(MJKFNS. BIL.2/2021)

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Selangor